



JABATAN LAUT MALAYSIA

Business Continuity Plan (BCP)

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan

(Versi 1/2021 (KEMASKINI 12/1/2021))

1. PENDAHULUAN

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan **Perintah Kawalan Pergerakan PKP (*Movement Control Order*)** selama 14 hari berkuatkuasa pada **13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021**. Dalam tempoh ini sekiranya berlaku pertambahan kes PKP akan berubah dan juga dilanjutkan mengikut keperluan, sama ada PKP Diperketatkan (PKPD) atau PKP Bersyarat (PKPB). Begitu juga sekiranya keadaan bertambah baik maka kerajaan akan mengumumkan PKP Pemulihan (PKPP) mengikut kawasan.

Untuk PKP yang terkini, 3 kategori pelaksanaan telah diumumkan iaitu:

- a) **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) – Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Johor, Sabah dan Melaka.**
- b) **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) – Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan; dan**
- c) **Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) – Perlis dan Sarawak.**

Perintah ini dilaksanakan sebagai satu usaha pihak Kerajaan untuk mengekang ancaman wabak Covid-19 yang telah menimbulkan kebimbangan bukan sahaja di Malaysia, malahan di seluruh dunia.

Namun begitu, bagi premis dan agensi-agensi Kerajaan bagi perkhidmatan kritikal seperti pengangkutan, pelabuhan dan keselamatan termasuk JLM perlu diteruskan, dengan kawalan tertentu bagi mengelakkan pegawai dan kakitangan sedia ada terdedah kepada ancaman wabak berkenaan.

Sehingga ada apa-apa perubahan penting yang terkini, BCP ini hendaklah digunapakai dalam mana-mana tempoh PKP yang diumumkan oleh Kerajaan.

2. OBJEKTIF

Objektif BCP ini adalah untuk memastikan perkhidmatan berterusan dapat diberikan kepada pelanggan/*stakeholder* JLM tanpa mengabaikan arahan PKP yang diberikan oleh Kerajaan.

3. KEDUDUKAN JLM

Selaras dengan Perenggan 2, di dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.3) 2020 [P.U. (A) 87/2020] melalui P.U.(A) 91/2020, perkhidmatan yang diberi oleh JLM ditakrifkan sebagai **perkhidmatan perlu** seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

Oleh yang demikian, **semua premis JLM** hendaklah dibuka dan beroperasi seperti biasa dalam tempoh PKP ini kecuali terdapat arahan tertentu dari Kerajaan.

Maklumat lengkap tatacara pengoperasian JLM akan dijelaskan secara terperinci di dalam para 4, 5 dan 6.

4. PERKHIDMATAN JLM DAN RUJUKAN ARAHAN

JLM akan menyampaikan perkhidmatan seperti biasa di dalam tempoh ini. Walaubagaimanapun aturan perkhidmatan adalah selari dengan surat dari JPA seperti berikut:

- a) Arahan Pengoperasian Pejabat Kerajaan di Bawah Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan, no rujukan JPA 100-1/4/2 (15) bertarikh 12 Januari 2021.

5. URUSAN DENGAN PELANGGAN/STAKEHOLDER

Kakitangan JLM masih tertakluk dengan langkah-langkah berikut, bergantung kepada tahap PKP yang ditentukan oleh kerajaan :

Bil	Perkara/Aktiviti	Tahap PKP
1.	Sebarang aktiviti yang melibatkan penglibatan secara bersemuka Pegawai yang ramai seperti Mesyuarat/Perhimpunan/Perbincangan/Kursus/Bengkel Jabatan yang melibatkan Bahagian dan Wilayah akan ditangguh sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan. Sebarang komunikasi atau perbincangan yang mustahak hendaklah dibuat secara atas talian sepenuhnya.	PKP, PKPD dan PKPB.*
2.	Semua kakitangan JLM tidak dibenarkan melakukan perjalanan keluar dan masuk di kawasan yang diisytihar PKP samada untuk urusan rasmi kecuali mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Laut.	PKP, PKPD dan PKPB.*
3.	Pelanggan/ <i>Stakeholder</i> tidak dibenarkan berurusan di premis milik JLM, kecuali di Pejabat Laut Wilayah yang mengendalikan urusan <i>port clearance</i> dan urusan berkaitan dengan pelaut. Namun sukacita diingatkan ianya hanyalah untuk urusan yang penting namun dalam kadar semimumum mungkin dan untuk perkara-perkara yang tidak boleh dielakkan. Seboleh-bolehnya segala urusan hendaklah dilakukan melalui atas talian.	PKP, PKPD dan PKPB.*

* *Perkara 1 sehingga 3 juga hendaklah berpandukan kepada arahan dan polisi terkini dari Kerajaan. Sebagai contoh arahan nombor 2 adalah tidak terpakai sekiranya kerajaan memutuskan dalam tempoh PKPB pergerakan rentas negeri adalah dibenarkan.*

Selain perkara di atas, semua Bahagian/Ibu Pejabat Laut Wilayah/Pejabat Laut adalah juga tertakluk kepada perkara berikut:

- a) Prosedur kewangan dan prosedur perolehan semasa tempoh PKP hendaklah dirujuk kepada **pemakluman terkini** yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Laut dari semasa ke semasa melalui emel ataupun surat.
- b) Semua Pengarah Bahagian/Pengarah Wilayah diminta sentiasa peka dan memaklumkan kepada kakitangan di bawah seliaan berkenaan polisi terkini JLM yang dikeluarkan melalui MSN dan Arahan Ketua Pengarah Laut (AKPL) dari semasa ke semasa.
- c) Untuk **operasi harian JLM** yang melibatkan *survey*, audit dan sebagainya, Bahagian yang bertanggungjawab akan memaklumkan polisi Jabatan terkini dari semasa ke semasa.


6. ATURAN KERJA

Seperti yang dimaklumkan pada para di atas, JLM akan beroperasi sepenuhnya di dalam tempoh PKP ini. Aturan kerja secara umum adalah seperti berikut:

Bil	Tahap PKP	Aturan Kerja
1.	PKP	Semua Pejabat dibuka dan <u>kakitangan bekerja seperti biasa (100%)</u> .
2.	PKP Bersyarat (PKPB)	
3.	PKP Pemulihan (PKPP)	
4.	PKP Diperketatkan (PKPD)	<u>Kakitangan bekerja dari rumah sepenuhnya</u> atau sekiranya Pejabat perlu dibuka atas alasan perkhidmatan penting, maka ketetapan mengenai perkara ini akan dimaklumkan secara <i>case by case basis</i> mengikut polisi terkini kerajaan.

Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang gagal mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan di para 6 melainkan mendapat kebenaran Ketua Jabatan. Pegawai adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa-ke semasa, yang mana bersesuaian.

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI BAHARIN BIN DATO' ABDUL HAMID)

Ketua Pengarah
Jabatan Laut Malaysia

Tarikh : 12 Januari 2021